



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PEMIKIRAN DALAM CERPEN KANAK-KANAK PILIHAN DARI TAHUN 2012 HINGGA 2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Oleh

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia





DEDIKASI

Syukur kepada Allah SWT
Keizinan dan limpah kurniaan-Mu
mengizinkan kajian ilmiah ini direalisasikan.
Pengabdianku pada-Mu Tuhan buat selamanya
Tidakkan ada henti tiada hujungnya.
Sembah salam ke atas Junjungan Besar
Nabi Muhammad SAW

Buat Ayah & Bonda tercinta
(Mohd Bin Nik & Che Norihan Binti Harun)
Penghasilan tesis ini
Bukti kasih dan sayang anakanda kepada kalian.
Jasa dan semangat yang dibekalkan, mimpi anakanda menjadi nyata.
Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas pengorbanan kalian berdua kerana
membesar & mendidikku
dengan ikhlas dan sabar, tanpa penat dan jemu
demi sebuah kejayaan & kebahagiaan buat anakmu ini.

Untuk Suami dan Anakanda tersayang
**(Mohd Nuzul Haqimiazim Bin Husin, Aisya Medina Binti Mohd Nuzul
Haqimiazim & Aleesa Myakhaira Binti Mohd Nuzul Haqimiazim)**

Terima kasih kerana memahami mama selama ini,
akan kuabadikan selagi hayat dikandung badan.

Penyeliaku...
(Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi)
Jasa, bimbingan dan budi baik tetap menjadi ingatanku.
Terima kasih diucapkan...

Untuk seluruh warga UPM & UPSI yang ku kasihi...
Dorongan dan semangat yang kalian sematkan ke dalam diri ini
akan ku ingati selamanya. Moga kejayaanmu akan menjadi inspirasi untuk kalian
meneruskan perjuangan dalam hidup.

Seluruh Pensyarah FBMK UPM dan rakan-rakan seperjuangan...
Budi & jasa kalian tak akan ku lupakan.
Hanya doa restu yang tulus ikhlas ku mohon dariNya...
Agar kalian sentiasa dirahmati dan diberkati olehNya...
Hanya itu yang mampu ku lakukan
Demi jasa dan pengorbanan yang kalian curahkan padaku...
Kejayaanmu juga adalah kejayaan untuk kalian semua.

Farra Humairah Mohd,
UPM (2018)





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PEMIKIRAN DALAM CERPEN KANAK-KANAK PILIHAN DARI TAHUN 2012 HINGGA 2015

Oleh

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD

Julai 2018

Pengerusi : Profesor Madya Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak bermaksud idea pokok atau gagasan yang diketengahkan oleh pengarang menerusi koleksi cerita yang berlatarkan dunia kanak-kanak sepenuhnya. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 mencetuskan rasa tidak puas hati beberapa panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) kerana dikatakan kemerosotan mutu penghasilan iaitu dari aspek pemikiran. Tambahan lagi, terdapat juga kritikan daripada para sarjana tempatan yang beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut kaca mata penulis dewasa dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta tidak memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran berdasarkan konsep 'pemikiran' tokoh sarjana yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, menganalisis pemikiran berdasarkan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang) dan merumuskan pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan kajian analisis teks. Instrumen yang digunakan ialah senarai semak analisis teks dan menggunakan model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang). Teori ini digunakan bagi menganalisis keperluan dan kehendak kanak-kanak yang terdapat dalam karya. Sampel data yang digunakan ialah sebanyak 130 buah teks cerpen kanak-kanak pilihan tempatan dari tahun 2012 sehingga 2015. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima pemikiran yang dikaji dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 iaitu pemikiran keagamaan, pemikiran budaya, pemikiran pendidikan, pemikiran politik dan pemikiran ekomoni. Pemikiran keagamaan dan pemikiran pendidikan adalah pemikiran yang paling dominan diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji. Namun, kedua-dua pemikiran ini tidak menyeluruh diketengahkan kerana dipaparkan menerusi unsur-unsur pengajaran, bersesuaian dengan pendekatan moral,





pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan dalam teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Di samping itu, keperluan kasih sayang adalah peringkat keperluan kanak-kanak yang paling dominan dipaparkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak yang dikaji. Signifikan kajian ialah satu penemuan pola pemikiran yang berstruktur, bervisi, bermutu, memenuhi aspirasi nasional dan dapat memenuhi keperluan kanak-kanak terhasil menerusi kajian ini. Malah, penemuan baharu terhasil apabila terbinanya satu model keperluan kanak-kanak hasil daripada gabungan janaan teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow) dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) yang dapat memberi input kepada para pengarang cerpen kanak-kanak untuk menghasilkan cerpen yang benar-benar bermutu dan lari dari kelompangan 'pemikiran' yang sedia ada.





Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THOUGHTS IN SELECTED SHORT STORIES FOR CHILDREN FOR THE PERIOD BETWEEN 2012 AND 2015

By

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD

July 2018

Chairman : Associate Professor Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The thought in the children's short story refers to the main idea or the ideas presented by the authors in a collection of stories against the backdrop of children's world. A review conducted by the researcher shows that some of the panel members of the Hadiyah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) have expressed their dissatisfaction with the short stories that were published between 2012 and 2015. Their dissatisfaction is with regard to the decline in the quality of the thought process. Local scholars have also voiced their criticism against the writing of the children's stories from an adult's perspective, as well as the failure to fulfill the concept of children's literature and the requirements for children's psychology. Therefore, the objectives of this study are to identify thoughts based on the scholars' concept of 'thinking' in the short stories selected for the study; to analyze thinking based on the model for children's needs (Maslow's theory and Hashim Awang theory); and to summarize the dominant thoughts in the selected short stories for the period between 2012 and 2015. This study employs a qualitative approach by using literature review and text analysis studies. The instruments used are a list of scrutiny texts and the model for children's needs (a combination of Maslow's theory and Malay methodology theory). This theory was used to analyze the needs and desires of children presented in the stories. The sample data consists of 130 selected children's text book that were published locally between 2012 and 2015. Results show that five thoughts were examined in the short stories published during this period, namely religious, culture, education, political and economic thoughts. Two most dominant thoughts in the examined short stories for children are religious and education. However, the two ideas were not presented comprehensively considering that they were presented through elemental teaching, in accordance with the moral, da'wah, and social approaches in the Malay Methodology (Hashim Awang). Moreover, all short stories presented children's need for love as the most dominant need. A significant finding made by this study is a structured, diverse, quality-oriented thinking pattern which is able to fulfill the





national aspirations and the needs of the children. In fact, a new finding was made with the construction of a requirement model for children based on the combination of Maslow's human needs hierarchy and Hashim Awang's Malay Methodology which could provide input for the authors of short stories for children in their effort to produce short stories with higher quality which deal with the current void in "thoughts".





PENGHARGAAN



“Dengan Menyebut Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Lagi Maha Penyayang”
Segala Pujian ke Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat
dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Dengan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya jua, penulisan laporan ilmiah ini telah dapat disempumakan. Dalam usaha menyiapkannya pengkaji telah mendapat kerjasama, bantuan, sokongan serta doa daripada pensyarah, keluarga, rakan seperjuangan serta pelbagai pihak yang mahukan impian ini menjadi kenyataan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi selaku penyelia yang sentiasa memberi bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar yang sangat berguna dalam usaha menyiapkan kajian ilmiah ini. Pengkaji juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM iaitu (Prof. Madya Dr Arba'ie Sujud, Prof Madya Dr. Mohd Zariat Bin Abdul Rani, Dr Fazilah Husin, Dr Roslina Abu Bakar, Prof. Madya Dr Kamariah Kamaruddin dan Profesor Dr Normaliza Abd Rahim) yang sungguh baik hati memberi bimbingan dan bantuan yang tidak berbelah bahagi kepada saya selama ini. Jasa kalian tetap dikenang, budi baik dan segala sokongan sesungguhnya tidak terbalas oleh pengkaji yang kerdil ini. Hanya kepada Allah S.W.T dipohonkan doa semoga segala kebaikan diberi ganjaran sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI dan pihak di Unit Cuti Belajar, Bahagian Sumber Manusia UPSI yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk menyambung pengajian di UPM, memberikan kemudahan cuti belajar dan menguruskan segala bayaran serta keperluan pembelajaran saya. Sesungguhnya saya amat bersyukur di atas segala kemudahan ini dan akan memanfaatkan segala ilmu yang saya pelajari untuk kepentingan akademik di UPSI.

Sekalung kasih buat suami tercinta iaitu Mohd Nuzul Haqimiazim Husin yang sentiasa dan cuba memahami erti kesabaran dan terima kasih atas segala-galanya. Begitu juga buat buah hatiku Aisya Medina dan Aleesa Myakhaira yang memahami tugas dan tanggungjawab mama sebagai seorang ibu dan pelajar. Semoga usaha mama ini menjadi dorongan dan pembakar semangat buat anakanda berdua untuk berusaha





dengan gigih dalam pelajaran dan cekal dalam menempuhi perjalanan hidup yang masih lagi jauh.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat insan-insan tersayang seperti bonda, ayahanda dan seluruh adik beradik yang tercinta. Segala pengorbanan, suka dan duka yang diharungi bersama-sama tidak mampu digambarkan dengan kata-kata. Hanya hati dan jiwa kita sahaja yang merasainya. Jadikan kejayaan ini sebagai dorongan untuk lebih maju lagi di masa-masa yang akan datang. Terima kasih yang tidak terhingga di atas nasihat, dorongan serta doa restu daripada kalian yang tidak putus-putus memberiku semangat dan inspirasi untuk meneruskan usaha sehingga terhasilnya kajian ilmiah ini.

Akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan dan seluruh pelajar sarjana dan doktor falsafah sastera di Jabatan Bahasa Melayu, UPM yang telah memberi sokongan padu sepanjang pengkaji menyempurnakan kajian ini. Budi kalian tidak dapat ku lupakan. Sekalung ingatan juga buat ayahanda mertua, bonda mertua, adik beradik ipar, seluruh ipar duai dan sepupu sepapat yang namanya tidak disebutkan di sini. Terima kasih di atas sokongan dan dorongan kalian selama ini. Segala kebaikan yang kalian berikan tidak dapat pengkaji lupakan. Semoga Allah SWT membalas jasa baik anda semua. Sekian, wassalam.

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD

No 35, Jalan WM 3A/2,
Bandar Behrang 2020,
35920 Tanjung Malim,
Perak Darul Ridzuan.





Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 9 Julai 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Farra Humairah binti Mohd bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pemikiran dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari Tahun 2012 Hingga 2015" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Normaliza bt Abd Rahim, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)


Mohamad Mokhtar Abu Hassan, PhD

Profesor

Universiti Malaya

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 September 2018





Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah Kesusasteraan Melayu. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD

Profoser Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Fazilah Binti Husin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Roslina Binti Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)



ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Date: 04 OCT 2018,





Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.



Tandatangan :

Tarikh:

23/10/2018

Nama dan No. Matrik : Farra Humairah Binti Mohd, GS32812





Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Profesor Madya
Dr. Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi

Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Fazilah Binti Husin



Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Roslina Binti Abu Bakar





JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.5.1 Kepentingan kepada Penulis dan Penerbit	10
1.5.2 Kepentingan kepada Masyarakat	11
1.6 Batasan Kajian	11
1.6.1 Batasan Bahan	11
1.6.2 Batasan Aspek	15
1.7 Definisi Operasional	16
1.7.1 Pemikiran	16
1.7.2 Cerpen	18
1.7.3 Kanak-kanak	19
1.7.4 Cerpen Kanak-kanak	20
1.8 Kesimpulan	21
 2 SOROTAN LITERATUR	22
2.1 Pengenalan	22
2.2 Kajian-Kajian Lepas	22
2.2.1 Kajian Lepas Mengenai Pemikiran dalam karya Sastra	22
2.2.2 Kajian Lepas Mengenai Sastra Kanak-kanak	34
2.2.3 Kajian Lepas Mengenai Teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow)	42
2.2.4 Kajian Lepas tentang Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang)	47
2.3 Kesimpulan	52
 3 METODOLOGI	53
3.1 Pengenalan	53
3.2 Reka Bentuk Kajian	53
3.2.1 Kajian Kepustakaan	53
3.2.2 Kajian Analisis Teks	54



3.3	Penggunaan Teori	56
3.3.1	Teori Humanistik Abraham Maslow	57
3.3.2	Teori Pengkaedahan Melayu	62
3.3.3	Pengkaedahan Alamiah	63
3.3.4	Pengkaedahan Keagamaan	65
3.4	Instrumen Kajian	70
3.4.1	Senarai Semak	70
3.5	Bahan Kajian	71
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.7	Prosedur Menganalisis Data	72
3.7.1	Langkah-langkah Analisis Teks	72
3.7.2	Mengkategorikan Data	73
3.7.3	Peringkat Akhir Analisis Data (Berpikir Tentang Data)	75
3.8	Kerangka Konseptual Kajian	76
3.9	Kesimpulan	77
4	ANALISIS DAN DAPATAN	78
4.1	Pengenalan	78
4.2	Pemikiran dalam Cerpen Kanak-Kanak dari Tahun 2012 sehingga 2015	78
4.2.1	Pemikiran Keagamaan	79
4.2.2	Pemikiran Budaya	80
4.2.3	Pemikiran Politik	82
4.2.4	Pemikiran Pendidikan	83
4.2.5	Pemikiran Ekonomi	85
4.3	Pemikiran Berdasarkan Model Keperluan Kanak-Kanak dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 sehingga 2015	87
4.3.1	Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Tuhan)	87
4.3.2	Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia Sesama Manusia)	102
4.3.3	Pemikiran Budaya (Budaya Bukan Kebendaan)	121
4.3.4	Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Formal)	136
4.3.5	Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Tidak Formal)	140
4.3.6	Pemikiran Politik	153
4.3.7	Pemikiran Ekonomi	170
4.4	Pemikiran yang Dominan terdapat dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Sehingga 2015	179
4.4.1	Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Tuhan)	179
4.4.2	Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia sesama Manusia)	180
4.4.3	Pemikiran Budaya (Budaya Bukan Kebendaan)	182
4.4.4	Pemikiran Politik	184
4.4.5	Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Formal)	187
4.4.6	Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Tidak Formal)	188
4.4.7	Pemikiran Ekonomi	189
4.5	Kesimpulan	191

5	RUMUSAN	196
5.1	Pengenalan	196
5.2	Rumusan Keseluruhan	196
5.3	Cadangan	199
5.3.1	Ibu bapa	199
5.3.2	Penerbit Karya Sastera Kanak-kanak	201
5.4	Penutup	203
	RUJUKAN	204
	LAMPIRAN	230
	BIODATA PELAJAR	354
	SENARAI PENERBITAN	355

**SENARAI JADUAL****Jadual****Muka surat**

1	Judul Kumpulan Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	12
2	Mengkategori Data Dalam Kaedah Analisis Kandungan	74
3	Aspek Sara Diri Terhadap Keluarga Menerusi Pemikiran Ekonomi.	87
4	Perkaitan antara Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Tuhan) dengan Model Keperluan Kanak-Kanak	101
5	Perkaitan antara Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia Sesama Manusia) dengan Model Keperluan Kanak-Kanak	121
6	Perkaitan antara Pemikiran Budaya dengan Model Keperluan Kanak-Kanak	136
7	Perkaitan antara Pemikiran Pendidikan dengan Model keperluan kanak-kanak	152
8	Perkaitan antara Pemikiran Politik dengan Model Keperluan Kanak-Kanak	169
9	Perkaitan antara Pemikiran Ekonomi dengan Model Keperluan kanak-kanak	179
10	Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang Memperlihatkan Pemikiran Politik dari Aspek Kebijaksanaan	185
11	Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang Memperlihatkan Pemikiran Ekonomi dari Aspek Menyara Untuk Keluarga dan Menyara Diri Sendiri	190



**SENARAI RAJAH**

Rajah	Muka surat
1 Konsep Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 sehingga 2015	17
2 Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow)	59
3 Teori Pengkaedahan Melayu	61
4 Gabungan Teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow) dengan Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang)	69
5 Beberapa Langkah Tambahan Semasa Menganalisis Dokumen	73
6 Kerangka Konseptual Kajian	76
7 Pemikiran-Pemikiran Yang Terdapat Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	79
8 Graf Pemikiran Keagamaan dari Aspek Hubungan Manusia dengan Tuhan yang Dominan dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	180
9 Graf Pemikiran Keagamaan dari Aspek Hubungan Manusia dengan Manusia yang Dominan dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	181
10 Carta Pai Pemikiran Budaya yang Dominan dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	182
11 Graf Pemikiran Budaya dari Aspek Budaya Bukan Kebendaan yang Dominan dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	183
12 Graf Pemikiran Politik yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	186
13 Carta Pai Pemikiran Pendidikan yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	187
14 Graf Pemikiran Pendidikan dari Aspek Pendidikan Tidak Formal Yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	188
15 Carta Pai Pemikiran Ekonomi yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015	191





16 **Bilangan Cerpen Kanak-Kanak Yang Dikaji Paling Dominan Dengan
Pemikiran Dan Keperluan Kanak-Kanak** 199



SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
HSM	Hadiah Sastera Malaysia
HSPM	Hadiah Sastera Perdana Malaysia
HKS	Hadiah Karya Sastera
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
RTM	Radio Television Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan kanak-kanak merupakan wahana yang amat penting dalam usaha untuk mengisi sebahagian daripada keperluan kanak-kanak terutama daripada sisi pengisian minda, pembentukan sahsiah, kerohanian dan pemantapan psikologi. Umum mengetahui kanak-kanak secara semula jadinya memang memiliki kecenderungan terhadap cerita. Hal ini kerana, cerita dapat dianggap sebagai wadah yang dapat membantu ke arah membimbing, mendidik dan melatih tumbesaran minda kanak-kanak.

Selain itu, sastera kanak-kanak terutamanya cerpen merupakan salah satu bahan bacaan yang mampu membina minda kanak-kanak seiring dengan usia mereka yang perlu diberi keutamaan dari segi sokongan dan didikan yang sempurna (Faridah Shamsuddin, 2003: 29). Cerpen juga merupakan satu bentuk karya sastera yang menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa luar biasa yang pernah terjadi atau mungkin akan dialami oleh manusia melalui tokoh-tokoh cerita. Kejadian atau peristiwa yang luar biasa itu sentiasa diikuti oleh konflik-konflik yang membentuk suatu alur cerita. Melalui alur itulah penulis mengatur tema cerita, watak, gambaran suasana peristiwa, gambaran tempat terjadinya peristiwa dan klimaks cerita (Othman Puteh, 2001:24).

Dari segi sejarahnya, cerpen muncul pada abad ke-19 di Eropah bersamaan dengan kemunculan majalah. Lantas, panjang pendeknya sesebuah cerpen itu bergantung atau ditentukan oleh tebal nipisnya majalah pada ketika itu. Rata-ratanya, majalah-majalah terbitan negara Eropah dan Amerika lebih besar dan tebal, maka cerpen mereka juga dilihat lebih panjang jika dibandingkan dengan cerpen negara kita yang dimuatkan dalam surat khabar dan majalah yang lebih nipis dan kecil ruangnya (Othman Puteh, 2001:25). Di Malaysia, cerpen pertama diterbitkan pada tahun 1920 dalam majalah *Pengasuh* berjudul “Kecelakaan Pemalas” hasil karya Nor Bin Ibrahim Madrasi (Othman Puteh, 2010: 3)

Pada ketika itu, belum wujud lagi istilah ‘cerpen’ atau ‘cerita pendek’, namun yang ada hanyalah beberapa istilah seperti ‘cerita’ atau ‘cetera’. Pada peringkat perkembangannya, cerpen dikatakan semacam peralihan cerita lisan kepada sastera bertulis. Oleh itu, tidak hairanlah jika cerpen-cerpen pada ketika ini, terutamanya yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua, lebih bersifat didaktik. Peranan akhbar dan majalah pada ketika itu amat penting dalam perkembangan awal genre cerpen ini. Menurut Jais Sahok (2008: 28), terdapat sebanyak 153 buah akhbar dan majalah berkala yang terbit dari sekitar tahun 1876 hingga 1941 dan kebanyakannya memuatkan cerpen.





Dalam merintis sejarah penghasilan karya kanak-kanak, usia cerpen kanak-kanak ternyata masih baharu jika dibandingkan dengan usia cerpen bacaan umum. Secara amnya, peringkat awal kemunculan cerpen kanak-kanak dapat dikesan pada sekitar tahun 1956 apabila Pejabat Karang-Mengarang menganjurkan Peraduan Menulis Cerita Pendek. Kemudiannya perkembangan cerpen menjadi semakin berkembang pesat menjelang tahun 1960-an sehingga kini dengan adanya wadah penampungan seperti *Utusan Kanak-kanak* (1956), *Utusan Pelajar* (1970), *Dewan Pelajar* (1967) dan *Dewan Siswa* (1979) (Othman Puteh, 2001b: 75). Cerpen yang dihidangkan kepada khalayak pembaca mengandungi pelbagai kategori mengikut tahap kematangan intelektual seseorang. Beberapa orang sarjana negara ini mengkategorikannya kepada cerpen dewasa (umum), cerpen remaja dan cerpen kanak-kanak (Jais Sahok, 2008: 5).

Menurut (Othman Puteh, 2001a: 7), cerpen kanak-kanak ialah hasil karya kreatif yang ditulis oleh pengarang tanpa mengira batas usia, latar pendidikan, geografi, politik, ras dan kepercayaan asalkan penghasilan cerpen ditulis oleh yang berbakat dan berminat. Seterusnya, (Atan Long, 1984: 10-13) berpendapat bahawa cerpen kanak-kanak menatar ciri nilai 'rasa milik' dunia kanak-kanak dalam diri khalayak. Nilai-nilai yang menjadi cerminan dan aspirasi dunia kanak-kanak disogokkan melalui ulasan dan kupasan isu dan persoalan pada tahap kebolehan dan pengetahuan kanak-kanak. Berdasarkan pandangan di atas dapat dirumuskan bahawa cerpen kanak-kanak ialah hasil karya kreatif imaginatif yang membicarakan persoalan kemanusiaan dan kemasyarakatan, budaya, politik dan ekonomi dalam kehidupan manusia yang merangkumi gambaran sosial yang sejajar dengan nilai dan aspirasi kanak-kanak.



Rahman Shaari (2001: 12) pula menyatakan cerpen kanak-kanak merupakan karya yang dihasilkan untuk bacaan kanak dan mudah difahami. Penulisannya mempunyai keseimbangan antara tema, aspek-aspek teknikal, berunsur moral dan keindahan (estetika) yang bersesuaian dengan kemampuan kanak-kanak. Tema, bahasa dan strukturnya dipadankan dengan minda kanak-kanak tanpa mengira sama ada wataknya kanak-kanak atau dewasa. Tumpuannya untuk memenuhi kehendak masyarakat dan negara melalui unsur pendidikan serta pembentukan moral dalam membina insan yang cinta kepada negara.

Seperti yang ketahui, kelompok kanak-kanak merupakan golongan terpenting dalam sesebuah negara. Bagi Azman Wan Chik (1989: 12) pula menyatakan kelompok ini akan meneruskan agenda pembangunan negara, mengambil alih kepimpinan masa akan datang dan menjadi penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan perdana. Mahzan Arshad (2004: 20) pula menegaskan kanak-kanak ialah komponen pelapis dalam sesebuah negara dan menjana pemantapan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial yang mengisi ruang kehidupan masyarakat.

Oleh itu, kanak-kanak merupakan aset negara yang sangat bernilai. Hal ini kerana, kelompok inilah yang bakal menjadi golongan intelektual, professional, penyambung generasi dan mencorakkan negara pada masa hadapan. Golongan-golongan ini yang





akan menguasai suasana dalam sesuatu perkara atau peristiwa, termasuklah dunia sastera yang semakin berkembang pesat kini. Hal ini disebabkan, perasaan ingin tahu golongan ini dalam mencuba sesuatu perkara yang baharu. Seperti yang kita sedia maklum, kanak-kanak sememangnya menyukai sesuatu yang baharu yang boleh memberikan keseronokan dan kepuasan dalam diri mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan cerpen kanak-kanak dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 terpilih sebagai bahan kajian utama. Cerpen kanak-kanak dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dipilih terdiri daripada empat belas (14) buah kumpulan cerpen kanak-kanak yang berada di pasaran sekitar tahun 2012 hingga tahun 2015. Kumpulan cerpen-cerpen ini dikategorikan sebagai cerpen kanak-kanak kerana cerpen ini dipasarkan untuk golongan kanak-kanak tempatan yang berumur dalam lingkungan 7 hingga 12 tahun. Seperti yang kita ketahui, khalayak pembaca untuk cerpen kanak-kanak terdiri daripada golongan kanak-kanak yang berumur di antara 7 sehingga 12 tahun, iaitu yang sudah berada di peringkat persekolahan rendah. Menurut Othman Puteh (2001b: 35 & 45), istilah kanak-kanak dapat dirujuk kepada kanak-kanak yang berusia di antara 4 hingga 14 tahun. Beliau membahagikan golongan kanak-kanak kepada tiga kelompok iaitu:

- a) Kanak-kanak awalan (4-6 tahun) – Kanak-kanak di peringkat prasekolah.
- b) Kanak-kanak pertengahan (7-10 tahun) – Kanak-kanak di sekolah rendah.
- c) Kanak-kanak akhir (11-14 tahun) – Kanak-kanak yang akan melangkah ke alam sekolah menengah.



Cerpen kanak-kanak dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dipilih ini juga telah mencetuskan beberapa rasa tidak puas hati beberapa panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), penggiat sastera, para sarjana dan lain-lain apabila cerpen kanak-kanak dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 ini kebanyakannya dihasilkan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak dan kekurangan bahan yang berkualiti bagi menepati kehendak pembaca sasaran (kanak-kanak). Ada juga sesetengah individu beranggapan bahawa genre ini tidak menepati objektif dan tidak sesuai untuk digunakan sebagai bahan bacaan kanak-kanak pada masa ini kerana aspek pemikiran yang diketengahkan dalam karya terlalu berat hingga menyukarkan untuk kanak-kanak memahami cerita yang diketengahkan (*Dewan Sastera*, 2015: 19).

Antara kritikan tersebut ialah *How to Teach Children about Culture Awareness and Diversity* (Ogos 2015), “Kemelut Sastera Kanak-kanak, Remaja di Malaysia” (*Berita Harian*, 20 Jun 2011), “Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah” (Seminar Sastera Kanak-kanak, 28 November 2006), “Masalah Penerbitan Buku Kanak-kanak” (Seminar Terbitan Sastera Kanak-kanak, 22-23 Oktober 2003), “Sastera Kanak-kanak Asas Pendidikan Moral” (*Utusan Online*, 2001).



Berdasarkan cerpen kanak-kanak yang dipilih, pengkaji akan melihat bahan kajian ini dari sudut pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya-karya mereka. Sebagai mana yang kita ketahui, pemikiran berasal dari kata bahasa Arab yang membawa makna berfikir yakni melibatkan proses berfikir. S. Othman Kelantan (1997: 6) menyatakan bahawa kalimat Arab iaitu fikrun yang bermaksud fikiran daripada kata akar fakara, yafkiru, fikran, fakkara, tafakkara dan iftakara yang bererti memikirkan perkara itu, memikirkan sesuatu atau fikiran, faikar, yang bererti banyak berfikir atau tafakur yang membawa erti hal-hal tentang berfikir.

Baha Zain (1991: 18-21) pula menerangkan pemikiran ialah satu perkara yang dianggap sebagai induk atau nadi yang menghidupkan semangat seseorang penulis untuk melebarkan jalan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya. Kepelbagaian pemikiran atau gagasan yang diutarakan oleh seseorang penulis dalam menyampaikan amanatnya itulah merupakan sesuatu yang menarik untuk dihalusi oleh khalayak pembaca. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007: 59), pemikiran memberikan pengertian yang luas dan boleh diterangkan dari pelbagai sudut manakala, berfikir pula merupakan suatu usaha untuk meningkatkan pengetahuan seseorang. Oleh yang demikian, hanya orang yang mampu berfikir sahaja boleh melakukan perubahan dan dapat menjana aktiviti yang bersifat kreatif dan membangun.

Menurut Rahman Shaari (1988: 89), pemikiran ialah melibatkan tahap pencapaian ilmu pengetahuan, pembentukan sikap dan pendirian serta ideologi secara menyeluruh. Hal ini bermakna, aspek pemikiran mencakupi intelektual seseorang atau sesuatu kumpulan masyarakat. Malah, Asmah Haji Omar (1986b: 9) turut menyatakan pemikiran sebagai kaedah berfikir yang mempunyai konsep-konsep yang abstrak serta ada kaitan antara peringkat pemikiran masyarakat yang menjadi tumpuan dan perhatian pengarang. Baginya lagi, pemikiran juga sebagai kaedah berfikir yang mempunyai tumpuan pelbagai gambaran atau imej kepada sesuatu keadaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Asmah Haji Omar (1986b: 10) yang berpendapat bahawa;

“Walaupun definisi yang diberikan oleh ahli-ahli psikologi berkaitan dengan pemikiran adalah untuk tujuan kajian, namun kita boleh mentafsirkannya sebagai kegiatan-kegiatan yang berlaku dalam otak apabila menghadapi sesuatu keadaan, perbuatan dan sebagainya. Oleh yang demikian, hasil daripada pemikiran itulah yang dikatakan fikiran”.

Sejajar itu, pemikiran sering kali dirujuk sebagai kebolehan manusia untuk mencipta gagasan dan pengertian dengan cara berhujah, menilai dan membuat keputusan. Hal ini bererti pemikiran melibatkan proses kognitif iaitu tindak balas otak. Malah, pemikiran juga merupakan sebahagian daripada bidang psikologi yang menghubungkan kesan-kesan pengalaman lepas terhadap aktiviti seseorang pada masa ini secara proses simbolik dan bertindak balas pula dengan cara rangsangan sama ada yang dilihat atau diperhatikan (Mohd Michael Abdullah, 1995: 1). Seterusnya, Zainal



Kling (1989: 40) juga menerangkan bahawa konsep pemikiran ialah sebagai kegiatan untuk membentuk sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir yang wajar bagi semua anggota masyarakat.

Othman Puteh (2010: 95) pula menyatakan bahawa pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa. Menurutnya lagi, ketinggian tamadun sesuatu bangsa itu bergantung kepada keupayaan bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan menganalisis diri. Pemikiran juga menjadi inti dan unsur yang paling dasar dalam kehidupan, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar. Untuk menyampaikan pemikiran dan perasaan dalam karya, seseorang pengarang tidak hanya perlu menguasai persoalan dan bahasa, tetapi juga harus dapat menguasai teknik pengolahan bahasa seperti mana yang diperkatakan oleh Othman Puteh (2010: 2) bahawa:

“...cara menggunakan bahasa, mengatur bunyi dan muzik bahasa itu terlihat di dalam proses mengekspresikan sesuatu perasaan misalnya. Dan tamadun sesuatu bangsa akan terlihat di dalam keberanian, kehalusan dan keunikan caranya”.

Dalam konteks kreatif pula, pemikiran yang dijelaskan oleh Mana Sikana (1988: 37) ialah sebagai satu gagasan atau persoalan induk. Pemikiran dalam karya ialah peristiwa yang tersurat dan tersirat daripada peristiwa yang hendak dikemukakan oleh pengarang. Dengan demikian, perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang merupakan pemikiran iaitu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran pengarang atau penyair. Muhammad Haji Salleh (1986: 47) menjelaskan bahawa pemikiran merupakan keadaan yang menggambarkan sesebuah masyarakat melalui cara mereka menghadapi persekitarannya dan juga cara menentukan penyambungannya. Bagi Muhammad Haji Salleh (1986) lagi, pemikiran mampu menguji daya fikiran seseorang individu dan bangsanya. Maksudnya di sini, “bangsa yang kuat ialah bangsa yang dapat menjawab persoalan-persoalan yang lebih besar seperti hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan alam dan hubungan manusia dengan manusia”.

Selain itu, pemikiran bagi Samsina Haji Abd Rahman (1990: 39) ialah sebagai tanggapan atau siratan-siratan yang tetap terhadap sesuatu benda atau perkara dan dapat dijadikan pegangan yang dalamnya terkandung perkara-perkara yang diketahui sebagai langkah pertama untuk membentuk satu pandangan atau penyelesaian yang dapat digambarkan serta diterima akal. Jelasnya, bahawa pemikiran merupakan satu jujuk penting kepada pengarang dalam karya-karya mereka untuk diratapi, dibaca, direnungi oleh pembaca. Pembaca pula dapat memberi reaksi sama ada menerima atau menolak gagasan yang diutarakan tidak kira yang terdapat dalam tema mahupun dalam persoalan dan mesej yang disampaikan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran dalam karya sastera lahir daripada percantuman perasaan dan intelek yang digarap melalui unsur-unsur di persekitaran, perlakuan dan corak ragam manusia serta





fenomena-fenomena semasa. Sehubungan dengan itu, segala unsur yang menjadi wadah cerminan berkarya diatur dan disusun dengan bahasa yang puitis. Dalam hal ini, Samsina Haji Abd Rahman (1990: 40) merumuskan bahawa:

“...sesebuah karya sastra yang baik ialah sebuah karya yang dapat menerapkan pemikiran kepada pembacanya menerusi karya tersebut yang bukan sekadar penciptaan kosong yang hanya mengutamakan bentuk, teknik dan bahasa semata-mata”.

Sejajar dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran dalam karya sastra dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi. Kemudian, pengarang mencari sebab-akibat yang wujud hasil daripada sesuatu peristiwa bagi memahami punca sesuatu kejadian. Sesudah menilai, pengarang mula menggerakkan sesuatu yang baharu diperolehnya dan dikaji bersama-sama agar mendatangkan manfaat yang berguna kepada khalayak pembaca. Lantaran itu, idea yang diperoleh, dicernakan ke dalam karya dengan cara yang kreatif serta dapat dilihat secara tersurat dan tersirat. Oleh yang demikian, bermula dari sinilah pembaca atau pengkaji sastra akan dapat melihat cara-cara pengarang menggunakan kebijaksanaan akalnyanya memperlihatkan sesuatu fenomena secara bersepadu.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan pemikiran dari aspek keagamaan, budaya, ekonomi, politik dan pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 sejajar dengan keperluan kanak-kanak.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti aspek pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Persoalan mengenai pemikiran yang diungkapkan dalam karya-karya sastra seperti novel dan cerpen adalah sangat menarik untuk dikaji. Hal ini kerana pemikiran merupakan pusat utama yang dapat dilihat melalui gagasan seseorang pengarang dalam menyampaikan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya (Mohd Yusof Hasan, 2012: 17).

Berdasarkan laporan panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2015/2016, masalah mengenai kualiti penghasilan cerpen kanak-kanak berkait dengan aspek pemikiran bermula dari tahun 2010 sehingga kini masih diperkatakan. Terdapat dua pendapat yang kontradik dalam laporan panel iaitu pemikiran dalam cerpen kanak-kanak ada yang terlalu tinggi dan ada yang terlalu rendah. Laporan panel penilai yang menyatakan pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak berada dalam tahap yang rendah disebabkan penghasilan cerpen kanak-kanak pada masa ini ditulis oleh pengarang dengan mengikut kaca mata mereka bukannya dari kaca mata dan keperluan kanak-kanak. Perkara ini menyebabkan, kanak-kanak tidak berminat untuk membaca dan memahami cerpen yang dihasilkan oleh para pengarang cerpen kanak-





kanak pada masa ini. Bagi sesetengah panel penilai pula menyatakan pemikiran yang terlalu tinggi menyebabkan pihak urus setia menghadapi masalah untuk memilih kumpulan cerpen yang benar-benar memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Hadiah Sastera Perdana Malaysia (*Dewan Sastera*, 2016: 36).

Selain itu, cerpen kanak-kanak yang berada di pasaran pada masa ini dikatakan ada menengahkan aspek pemikiran, namun pemikiran tersebut dilihat tidak berstruktur. Perkara ini telah diutarakan sendiri oleh para penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2015/2016 (*Dewan Sastera*, 2016: 37). Sehubungan dengan itu, pemikiran yang diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak tidak menggambarkan dengan jelas pemikiran yang ideal kepada kanak-kanak. Hal ini sejajar dengan kenyataan (Scott & Laing, 2015: 19), pemikiran yang ideal bagi cerpen kanak-kanak antaranya ialah pemikiran yang menengahkan tentang kekeluargaan, persahabatan, kemiskinan dan kasih sayang terhadap haiwan. Oleh itu, pemikiran yang terdapat dalam cerpen ini mampu menerapkan keperibadian tingkah laku yang baik bagi kanak-kanak. Hal ini bertujuan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak.

Masalah yang seterusnya terjadi dalam karya sastera kanak-kanak termasuk cerpen ialah tidak menengahkan pemikiran yang baharu dan universal. Hal ini terjadi apabila terdapatnya segelintir pengarang cerpen kanak-kanak yang kadang kala hanya memfokuskan satu pemikiran yang sama sahaja dalam setiap karya yang dihasilkan. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan aspek-aspek pemikiran yang diketengahkan. Pernyataan ini sinonim dengan kenyataan Othman Puteh (2001: 28), bahan sastera kanak-kanak yang merangkumi kepelbagaian pemikiran dalam cerpen kanak-kanak perlulah bermutu seperti menengahkan pemikiran yang terpilih, bervisi dan memenuhi aspirasi nasional. Maksudnya, pemikiran dalam cerpen kanak-kanak yang sedemikian harus memaparkan dunia pemikiran yang baharu kepada kanak-kanak. Hal ini dapat memberi ruang penjana untuk keupayaan kanak-kanak berfikir secara kritis dan global serta kreatif ke arah pembinaan warga yang matang dan bijaksana.

Bahkan itu, pemikiran yang baharu dan universal berkait dengan pemikiran politik dan agama juga dilihat kurang diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak masa ini. Hal ini menyebabkan nilai-nilai kenegaraan seperti semangat cintakan tanah air, ketaatan kepada pemerintah, ciri-ciri kepimpinan dan sifat-sifat kerohanian yang baik langsung tidak diwarnai dalam diri kanak-kanak. Justeru, Awang Had Salleh (2009) telah mengkritik bahawa dalam konteks Malaysia, pemikiran dalam karya sastera kanak-kanak seperti cerpen haruslah dapat memupuk pemikiran rasa cinta akan tanah air atau patriotik; persefahaman kaum; kewajipan sosial untuk membantu orang yang miskin, susah dan malang; sikap berdisiplin, rasa hormat dan taat pada sistem demokratik beraja di negara ini; rasa muhibah serantau Asean; serta memberi semangat berdikari, konsep diri yang positif dan tidak berasa rendah diri (*Dewan Sastera*, 2015).



Selain itu, Misran Rokimin (2005: 90) turut mengatakan bahawa karya-karya sastera kanak-kanak seperti cerpen perlulah mengetengahkan pemikiran dari aspek asas pendidikan agama dan pendidikan moral, agar dapat mengekang pelbagai pengaruh budaya barat pada era globalisasi ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Tegasnya, cerpen kanak-kanak harus memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk tamadun dan pemikiran sesuatu bangsa. Cerpen kanak-kanak yang ditulis dalam kesusasteraan akan melahirkan bangsa yang mantap jati dirinya. Namun, adakah pemikiran ini yang menjadi asas pemikiran dalam cerpen kanak-kanak selama ini? Oleh itu, kajian terhadap pemikiran cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 akan mengenal pasti pemikiran-pemikiran pengarang cerpen kanak-kanak sama ada sejajar atau tidak dengan pendapat Awang Had Salleh (2009) dan Misran Rokiman (2001).

Seterusnya, didapati juga cerpen kanak-kanak kurang mengetengahkan nilai-nilai pemikiran masyarakat tempatan. Hal ini telah dibuktikan oleh Amida @ Hamidah Abdul Hamid (2006: 17) dalam kajiannya yang menegaskan bahawa cerita yang disajikan melalui karya sastera kanak-kanak tempatan seperti cerpen tidak intim dengan pemikiran yang mengetengahkan liku kehidupan masyarakat dan budayanya. Dalam menerapkan nilai yang universal, Amida (2006: 18) menyatakan karya sastera khususnya cerpen kanak-kanak sewajarnya mengekalkan semangat Melayu (*Seminar Sastera Kanak-kanak, 28 November 2006*).

Walau bagaimanapun, perkembangan aspek pemikiran cerpen kanak-kanak masih tidak sampai ke tahap yang sepatutnya. Hal ini dibuktikan dengan pendapat (Mohd Asri Mohammad, 2010: 54) mengatakan bahawa fungsi keintelektualan dan proses perkembangan sastera kanak-kanak tanah air kini masih jauh ketinggalan jika hendak dibandingkan dengan karya sastera dewasa yang sarat dengan pelbagai fungsi keintelektualan dalam naskahnya. Namun begitu, aspek keintelektualan tidak terdapat dalam cerpen kanak-kanak. Hal ini merupakan kelompangan yang perlu diisi oleh kajian yang akan dijalankan ini. Albers (2016: 19) menyatakan, cerpen kanak-kanak bukan sekadar membantu literasi membaca bagi kanak-kanak namun, lebih daripada itu iaitu cerpen kanak-kanak mengandungi nilai, kepercayaan, pemikiran dan norma-norma sosial yang akan membentuk pandangan kanak-kanak tentang dunia realiti.

Malah, ada juga cerpen kanak-kanak yang mengalami kekaburan dari aspek pemikiran yang hendak disampaikan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Termuzi Abdul Aziz (2010) “kehadiran cerpen kanak-kanak di pasaran kini dikatakan tidak dapat menarik minat kanak-kanak dan tidak memberangsangkan minda kanak-kanak adalah kerana masalah pemikiran yang tidak jelas dan terlalu berat diketengahkan dalam karya” (Roziyah Mahamad, 2010: 4). Maksudnya, pengolahan pemikiran dalam pengkaryaan menjadi tunjang kepada pandangan pembaca terhadap kewujudan kreativiti pengarang terhadap karya mereka. Oleh itu, terdapat banyak aspek yang perlu diambil kira dalam pembinaan cerpen kanak-kanak yang bermutu.



Sehubungan dengan itu, dalam mengenal pasti pemikiran-pemikiran dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah penting untuk melihatnya daripada kaca mata pemikiran pengarang itu sendiri. Bagaimanakah pemikiran pengarang dicernakan dalam cerpen kanak-kanak, dan mengapakah pengarang mengutarakan pemikiran tersebut serta bagaimanakah pengarang mencorakkan watak dan perwatakan kanak-kanak untuk melahirkan pemikiran pengarang. Maka keistimewaan kajian ini berbanding dengan kajian lalu ialah aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dianalisis berdasarkan pemikiran pengarang yang peka dengan dunia kanak-kanak dan keperluan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak mengutamakan keperluan diri mereka, diikuti dengan rakan-rakan, seterusnya aspek kerohanian seperti kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri (Eugence & Mathes, 1981: 32). Maka, adalah penting pemikiran dalam cerpen kanak-kanak memenuhi aspek keperluan dan kehendak kanak-kanak.

Bertolak kepada masalah dan pendapat para sarjana mengenai aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak, maka kajian ini perlu dilakukan bagi merungkai pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Keperluan kajian ini juga untuk menentukan jenis-jenis pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji berupaya memenuhi keperluan dan kehendak pembaca khususnya kanak-kanak. Hal ini kerana, aspek pemikiran yang dominan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 haruslah merangkumi pemikiran yang berstruktur, bermutu, berbervi, universal dan memenuhi aspirasi nasional.



1.3 Objektif kajian

Penghasilan sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin digapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah untuk:

- 1.3.1 mengenal pasti pemikiran berdasarkan konsep 'pemikiran' tokoh sarjana dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015.
- 1.3.2 menganalisis pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 berdasarkan model keperluan kanak-kanak (gabungan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu).
- 1.3.3 merumus pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015.



1.4 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini ialah:-

- 1.4.1 Apakah pemikiran berdasarkan konsep ‘pemikiran’ tokoh sarjana dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015?
- 1.4.2 Apakah pemikiran berdasarkan modal keperluan kanak-kanak (gabungan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu) dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015?
- 1.4.3 Apakah pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini wajar dilakukan bertitik tolak dari permasalahan berkaitan dengan pemikiran pengarang dalam karya kanak-kanak, khususnya cerpen kanak-kanak. Selain itu, kajian ini wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti pemikiran dan memperlihatkan rumusan mengenai pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 sebagai pemikiran yang bermutu, bervisi dan dapat memenuhi aspirasi nasional. Maka, kajian ini perlu dilaksanakan untuk beberapa kepentingan berikut:

1.5.1 Kepentingan kepada Penulis dan Penerbit

Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada para penerbit dalam menerbitkan sesebuah cerpen kanak-kanak yang berkualiti bukan sahaja dari aspek luaran, malah aspek kandungannya yang bukan sahaja memberikan hiburan, tetapi sarat juga dengan pemikiran dan nilai-nilai pengajaran yang boleh membentuk keperibadian kanak-kanak yang unggul. Oleh itu, apabila penetapan ciri-ciri dan kategori cerpen kanak-kanak yang sesuai dibaca oleh kanak-kanak telah dikenal pasti, kajian ini boleh dijadikan panduan yang berguna kepada golongan penulis dan penerbit karya kanak-kanak.

Kajian ini juga penting sebagai satu landasan kepada penulis karya sastera kanak-kanak untuk menghasilkan cerpen kanak-kanak yang berkualiti serta memenuhi konsep sastera dan keperluan kanak-kanak, sekali gus turut menepati kriteria-kriteria penilaian HSPM. Selain itu, aspek ini, juga diharap dapat menjadi panduan dan memberi sumbangan berguna kepada pihak penerbit buku dengan bertujuan untuk mengangkat dan memajukan sastera kanak-kanak Malaysia setanding dengan perkembangan sastera kanak-kanak di Barat dan perkembangan sastera dewasa pada masa ini.



1.5.2 Kepentingan kepada Masyarakat

Kajian terhadap pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ini bermanfaat dan berguna kepada masyarakat terutama ibu bapa dan guru untuk mendidik minda dan perkembangan pendidikan awalan kanak-kanak melalui cerpen kanak-kanak. Di samping itu, diharapkan kajian ini dapat membantu golongan masyarakat melihat karya sastera Melayu seperti cerpen kanak-kanak dari perspektif yang berbeza dan tidak hanya menganggapnya sebagai cerita rekaan ataupun hanya sebagai alat hiburan semata-mata.

1.6 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, dua aspek penting telah dikenal pasti untuk dijadikan asas dalam batasan kajian. Berikut adalah dua aspek penting dalam batasan kajian ini iaitu:

1.6.1 Batasan Bahan

Kajian ini menganalisis 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015, iaitu kumpulan cerpen kanak-kanak daripada terbitan penerbit tempatan. Antara penerbit tempatan yang dipilih ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), PTS Sdn. Bhd, Prima Sdn. Bhd, Aras Mega Sdn. Bhd dan Ana Muslim Sdn. Bhd. Kesemua 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini dipilih secara rawak berdasarkan tahun diterbitkan pada masa kajian ini dijalankan (dari tahun 2012 hingga 2015). Kriteria pemilihan bagi kesemua kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini berdasarkan kepada populariti cerpen di pasaran, di samping pelbagai isu yang sering diperkatakan oleh panel penilai HSPM terhadap cerpen kanak-kanak di Malaysia. Lantaran itu, kumpulan cerpen yang dipilih ini melibatkan sebanyak 130 buah cerpen yang dianalisis. Oleh itu, dalam sebuah kumpulan (antologi) cerpen terdapat beberapa buah cerpen yang diketengahkan oleh pengarang, antaranya:



Jadual 1 : Judul Kumpulan Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015

Bil	Judul Kumpulan Cerpen	Jumlah Cerpen	Tahun Terbit	Penerbit	Pengarang
1.	'Wajah Pada Skrin'	25 buah cerpen	2012	Aras Mega (M) Sdn. Bhd	Ahmad Fadzillah Muhamad
2.	'Sejalur Harapan'	5 buah cerpen	2012	Ana Muslim Sdn. Bhd	Siti Aishah Asari, Kushaari Ismail, Rosmazila Mohd Fauzi, Rosliza Mamat & Abdul Rahim Mohamad.
3.	'Kisah Si Puteri Gaun Merah Jambu'	5 buah cerpen	2012	PTS One Sdn. Bhd	Natasha Effyzal, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera.
4.	'Kisah Si Puteri Kami Puteri Hebat'	5 buah cerpen	2013	PTS One Sdn. Bhd	Natasha Effyzal, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera.
5.	'Desktop Ke Laptop?'	5 buah cerpen	2013	Ana Muslim Sdn. Bhd	Anies Hisham
6.	'Yummy, Donat Coklat'	15 buah cerpen	2013	PRIMA Sdn. Bhd	Wafa Arissa, Umi E.Na, Siti Zaleha M. Hashim, Mersik Romoyu dan Anis Khalilah
7.	'Kerana Ais Krim & Makaron'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Nur Shamsiah On



8.	'Jersi Syawal Untuk Ramadan'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Aimi Rahman
9.	'Anak Kampung Ke Istana Negara'	8 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi
10.	'Mahu Menjadi Doktor'	4 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Sheikh Muhd Irfan al-Habshee Che Ibrahim, Aliff Daniel Normuzleady, Syasya Fatini M. Izan & Nur Athirah Alias.
11.	'Mari Berkasih Sayang'	4 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Rashidah Khairiah Md. Raffae, Zaiyusri Zainon, Nur Alleya Anas & Adeeba Maisarah Anuar.
12.	'Layang-layang Itu Menerbangkan Iman'	4 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Nur Aliyah Aqilah Mohd Asri, Akmal Aminudin, Nur Anis Mat Dahari & Erisya Alya Hezri.
13.	'Kek Cawan Online'	15 buah cerpen	2015	PRIMA Sdn. Bhd	Kamil, Kusyi Hirdan, Roziah Adama, Siti Zarinah & Tg. Norlaila.
14.	'Ayahku Superhero'	15 buah cerpen	2015	PRIMA Sdn. Bhd	Fasya Fazida, Imanisa Riana, Liza Nur, Lynn Dayana & Zakiah Abd. Ghafar.

Seterusnya, rasional pemilihan 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini sebagai bahan kajian utama pengkaji adalah didasari oleh faktor- faktor berikut:





- a) Kesemua cerpen kanak-kanak ini dihasilkan dan diterbitkan sekitar tahun 2012 hingga ke tahun 2015 yang berlatarkan dunia kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan cerpen yang dipilih adalah tepat dengan ruang lingkup kajian (isu dari permasalahan kajian) dan kesesuaian dengan tajuk kajian pengkaji iaitu mengkaji cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015.
- b) Kesemua cerpen yang dipilih ini terdiri daripada kumpulan cerpen yang diterbitkan oleh penerbit terkenal tempatan seperti DBP, PTS One Sdn. Bhd, Ana Muslim Sdn. Bhd, PRIMA Sdn. Bhd dan Aras Mega (M) Sdn. Bhd. Selain itu, penerbit-penerbit ini juga sangat giat menerbitkan buku cerita untuk kanak-kanak pada masa ini. Malah, buku untuk kanak-kanak yang mendapat sambutan hangat dipasaran kini adalah terdiri daripada hasil terbitan penerbit-penerbit tersebut. Hal ini selari dengan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Siti Ezaleila Mustafa & Shahrul Nazmi Sannusi (2016: 55-65) yang mendapati buku kanak-kanak yang mendapat sambutan daripada pembaca (kanak-kanak) pada masa ini diterbitkan oleh PTS Sdn. Bhd, DBP, Ana Muslim dan Karangraf Sdn. Bhd.
- c) Kumpulan 'Cerpen Kami Puteri Hebat' karya Natasha Effyza et al., (2013) pula merupakan cerpen kanak-kanak yang telah berjaya memenangi Anugerah Fiksyen Kanak-kanak Bahasa Melayu di Anugerah Buku PNM-RTM 2013.
- d) Kesemua kumpulan cerpen yang dipilih adalah hasil karya daripada penulis dewasa tempatan dan penulis Cilik Tunas Muda. Hal ini bagi melihat sama ada benar atau pun sebaliknya kenyataan dari pernyataan masalah yang menyatakan bahawa pengarang dewasa menulis cerpen kanak-kanak dari perspektif atau kaca mata mereka sendiri tanpa memahami konsep sastera kanak-kanak, keperluan dan kehendak kanak-kanak. Malah, persoalan sama ada penulis Cilik Tunas Muda berjaya menghasilkan karya yang dapat memberikan kepuasan kepada pembaca kanak-kanak masa ini turut dilihat dalam kajian ini.
- e) Cerpen-cerpen ini menjadi bahan bacaan kanak-kanak yang berumur antara 9 hingga 12 tahun dan terdapat pelbagai kisah dan tema yang diketengahkan dalam kumpulan cerpen tersebut. Oleh itu, pemilihan cerpen ini diyakini sesuai sebagai medan uji kajian yang melihat aspek pemikiran yang diketengahkan pengarang dalam karya-karya mereka itu.

Dengan munculnya beberapa orang pengarang baharu dalam kelompok penulis yang sedia ada itu telah menghasilkan cerpen-cerpen yang pelbagai corak sama ada dari segi bentuk, teknik dan pemikiran. Oleh yang demikian, pemilihan cerpen kanak-kanak pada alaf baru (dari tahun 2012 sehingga 2015) di bawah terbitan DBP, PTS One Sdn. Bhd, Ana Muslim Sdn. Bhd, PRIMA Sdn. Bhd dan Aras Mega (M) Sdn. Bhd ini sedikit sebanyak dapat melihat pemikiran mereka (pengarang baru) sama ada mempunyai kesejajaran dan hubung kait dengan cerpen-cerpen yang dihasilkan pada tahun-tahun sebelumnya ataupun sebaliknya.





1.6.2 Batasan Aspek

Kajian ini tertumpu kepada pemikiran pengarang yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Analisis kandungan terhadap 130 buah cerpen kanak-kanak adalah untuk melihat lima (5) pemikiran utama yang terkandung dalam karya-karya tersebut iaitu pemikiran keagamaan, budaya, ekonomi, politik dan pendidikan berdasarkan konsep 'pemikiran' tokoh sarjana. Kemudian, pengkaji akan menganalisis lima pemikiran (keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi) melalui model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang) yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Seterusnya, pengkaji akan merumuskan daripada kelima-lima (5) pemikiran iaitu keagamaan, budaya, ekonomi, politik dan pendidikan yang mana pemikiran yang paling dominan terkandung dalam 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

Analisis yang akan dibuat ini berlandaskan kepada model Keperluan Kanak-kanak yang telah diubah suai berdasarkan teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Teori Hierarki Keperluan Manusia terdiri daripada lima prinsip atau peringkat keperluan yang utama, iaitu peringkat pertama keperluan fisiologi, kedua; keperluan keselamatan, ketiga; keperluan kasih sayang dan keinginan untuk dimiliki, keempat; keperluan penghargaan sendiri dan peringkat terakhir ialah keperluan penyempurnaan sendiri. Namun, sebelum Abraham H. Maslow meninggal dunia, beliau telah menambah dan mengembangkan lagi dua peringkat keperluan manusia dalam teori beliau, iaitu peringkat keperluan mengetahui dan peringkat keperluan estetik (Vincent O'Connell, 1992: 19).

Namun begitu, kajian ini hanya melihat dan membincangkan keperluan manusia yang asal diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow, iaitu lima peringkat yang utama sahaja. Hal ini kerana lima peringkat keperluan utama ini didapati bersesuaian dan memadai dengan tahap dan peringkat usia kanak-kanak yang kebanyakannya masih dalam proses untuk mencapai matlamat dan visi dalam kehidupan mereka. Malah, penggabungan teori Pengkaedahan Melayu melalui tiga pendekatan yang digunakan dalam kajian ini dapat membantu menganalisis lima pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Antara pendekatan yang digunakan untuk menganalisis pemikiran dengan teori Maslow ialah pendekatan dakwah, pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Pemilihan kedua-dua teori ini digunakan kerana didapati teori ini amat bersesuaian untuk mengkaji keperluan, kehendak, motivasi serta matlamat individu dalam meneruskan kehidupan seharian dan memenuhi keperluan dalam diri kanak-kanak. Selain itu, keperluan dan kehendak kanak-kanak adalah bergerak serentak. Bagi seorang kanak-kanak yang memerlukan keperluan fisiologi seperti makan, minum dan tempat tinggal pada masa yang sama juga perlu menjalin hubungan dengan orang lain iaitu keperluan di peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki (Julia Unggai, 1997: 14). Namun, pengkaji mendapati biarpun keinginan dan kehendak kanak-kanak bergerak serentak, kehendak yang paling asas iaitu keperluan fisiologi masih menjadi keutamaan.





Seperkara yang perlu dijelaskan di sini ialah fokus utama yang dibincangkan dalam kajian ini adalah keperluan dan kehendak kanak-kanak sahaja. Misalnya apabila seorang kanak-kanak itu mengalami kekurangan dari aspek fisiologi atau aspek keselamatan, maka kanak-kanak itu akan mencari jalan dan mengambil tindakan yang sepatutnya untuk memenuhi kekurangan tersebut. Kemudian jika kekurangan itu berjaya dipenuhi, kanak-kanak itu akan memenuhi keperluan dan kehendak seterusnya yang terdapat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia. Golongan kanak-kanak menjadi fokus utama kajian ini kerana golongan ini merupakan tonggak utama sesebuah negara serta zaman kanak-kanak itu sendiri amat mencabar dan mereka masih dalam proses mencari identiti diri.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu difahami. Hal ini bertujuan untuk memudahkan kajian ke atas pernyataan masalah berdasarkan kepada tajuk yang menjadi pilihan pengkaji. Dalam sesebuah kajian, definisi istilah adalah sangat penting untuk memberikan pemahaman yang mendalam terhadap kajian yang dijalankan. Penjelasan konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut:

1.7.1 Pemikiran



Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 411), pemikiran bermaksud perihal berfikir dan cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Bagi *Kamus Besar Bahasa Melayu* (1995: 478) pula menjelaskan bahawa pemikiran membawa banyak makna, iaitu penimbangan, pandangan, andaian, peringatan, renungan, pertimbangan, anggapan, perhitungan, perhatian, pendapat, penelitian dan sangkaan.


Bagi Mohd Yusof Hasan (2007: 33), pemikiran adalah satu kegiatan dan proses penggunaan akal manusia bagi pelbagai motif dalam kehidupan. Kepentingan pemikiran berkaitan dengan mengenali Tuhan dalam kehidupan untuk menyelesaikan masalah serta dapat membuat keputusan demi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Kebanyakan pengarang menitikberatkan kepada pembangunan dan pendidikan pemikiran dalam kalangan masyarakat di negara ini. Maka, dengan adanya pendidikan pemikiran, proses mendidik dan mengajar manusia menjadi bijak dan berupaya menggunakan akal fikiran dalam menyelesaikan sesuatu masalah dapat dititikberatkan. Oleh sebab itu, pendidikan pemikiran dijalankan secara formal dan tidak formal. Di sini, cara formal lazimnya berlangsung di institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti manakala cara tidak formal berlangsung melalui pergaulan, pembacaan dan pengalaman. Seterusnya, definisi-definisi pemikiran menerusi pandangan sarjana yang lainnya pula telah dinyatakan dengan lebih terperinci di bahagian pengenalan.



Oleh itu, berdasarkan pandangan dan definisi yang telah dinyatakan itu, dapat dirumuskan bahawa pemikiran adalah sesuatu proses yang menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap sesuatu keraguan atau masalah yang timbul dengan menggunakan pelbagai cara, membuat pertimbangan dan keputusan serta refleksi yang logika dan munasabah terhadap proses yang dialami. Pemikiran merupakan proses yang menggunakan akal untuk menyelesaikan masalah. Proses ini melibatkan aktiviti-aktiviti menyusun idea-idea atau perkara-perkara yang tersembunyi, membuat kesimpulan untuk mendapatkan ilmu atau kemahiran baru yang boleh digunakan untuk penyelesaian masalah yang kian mencabar.

Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ialah pemikiran tentang kehidupan manusia khasnya untuk menilai cerpen kanak-kanak yang bersikap positif ataupun negatif. Teori Hierarki Keperluan Manusia dan gabungan teori Pengkaedahan Melayu digunakan untuk melihat kajian tersebut. Gabungan kedua-dua teori ini digunakan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah untuk melihat keperluan dan kehendak manusia yang berkait dengan fikiran, perasaan dan kehendak melalui watak-watak utama (kanak-kanak) yang pengarang ketengahkan dalam karya mereka. Berikut adalah antara konsep pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang pengkaji analisis:-

Konsep Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015



Rajah 1 : Konsep Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 sehingga 2015



1.7.2 Cerpen

Dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000: 108), cerpen ialah singkatan daripada rangkai kata 'cerita pendek'. Bagi Rahman Shaari (2001: 16), cerpen ialah naratif yang pendek (kurang daripada 10000 perkataan) yang dicipta dengan tujuan untuk menghasilkan satu kesan utama dan mengandungi unsur dramatik.

Othman Puteh (2001b: 11), pula menyatakan bahawa cerpen ialah cerita atau cereka yang ditulis dalam bentuk prosa yang berbentuk relatif pendek. Kependekannya pula masih tidak jelas ukurannya dan tidak tetap jumlah perkataannya. Biasanya cerpen remaja berjumlah 2000 hingga 5000 patah perkataan manakala cerpen yang berjumlah 500 hingga 1000 patah perkataan tergolong dalam kategori cerpen pendek. Cerpen ditulis berdasarkan imiginasi atau pengalaman penulis kreatif. Hal ini dirumuskan oleh Siti Noor Amyah Khasbullah (2008: 15) bahawa sifat cerpen harus mengandungi:

- a) Satu tema cerita yang menjadi tumpuan sejak permulaan peristiwa, cerita berkembang sehingga menemukan titik akhir atau penyelesaiannya.
- b) Ketunggalan plot yang memungkinkan setiap aksi atau perilaku watak dapat berkembang wajar mengikut sebuah garis yang berterusan dari tahap awal hingga ke akhirnya. Jelas cerpen tiada ruang untuk hal-hal sampingan atau peristiwa-peristiwa yang tidak relevan.
- c) Jumlah watak yang sedikit terhad dan tidak perlu ramai. Tidak mustahil satu watak penting sahaja dalam sebuah cerpen akan mengimbangi ciri-ciri lain di samping memungkinkan watak itu berperanan dengan lebih wajar, jelas dan meyakinkan.
- d) Latar waktu dan tempat yang singkat serta terhad.

Kesemua ciri tersebut menjurus untuk melahirkan kesan yang tunggal dan unik. Oleh itu, cerpen harus ketat dan padat serta tidak memberi banyak kelonggaran. Dalam hal ini, pengarang cerpen yang berpengalaman sering berjaya meloloskan diri daripada perangkap menghurai panjang lebar tentang watak atau latar. Di sini, pengarang melihat kebijaksanaan menggambarkan secara panorama hal-hal yang kurang penting dan membabakkan perkara-perkara yang penting (Othman Puteh, 2001a: 12-13).

Berdasarkan kepada tarikan dan pandangan beberapa orang tokoh, dapat disimpulkan bahawa cerpen ialah sebuah cereka atau cerita yang berbentuk tulisan pendek. Cerpen juga ialah jenis karya sastera yang memaparkan kisah ataupun cerita tentang manusia. Secara jelasnya, cerpen merupakan salah satu jenis prosa fiksi yang di dalamnya berisi pengisahan yang berfokuskan kepada satu konflik saja (permasalahan tunggal) dengan jumlah tokoh terbatas dan tidak berkembang. Alur cerita sederhana dan hanya memaparkan penyelesaian konflik yang diungkapkan. Maksud dari cerita pendek di sini ialah ceritanya kurang daripada 10000 (sepuluh ribu) patah perkataan atau kurang daripada 10 (sepuluh) halaman.





1.7.3 Kanak-kanak

Md. Sidin Ahmad Ishak (2005: 7) mengatakan bahawa kanak-kanak prasekolah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu kanak-kanak yang berumur antara tiga (3) hingga empat (4) tahun, iaitu dikenali sebagai kumpulan pra pembaca (pre-readers) dan kanak-kanak berusia lima (5) hingga enam (6) tahun pula sebagai kumpulan pembaca permulaan (beginning readers). Selepas daripada peringkat ini ialah kanak-kanak sekolah rendah yang dibahagikan kepada dua tahap, iaitu tahap pertama meliputi usia tujuh (7) hingga sembilan (9) tahun dan tahap kedua pula meliputi usia sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun. Manakala di sesetengah negara, kanak-kanak dikelompokkan dari usia bayi yang bermula dari usia 0 hingga 16 tahun, iaitu peringkat ketika mereka meninggalkan bangku sekolah menengah.

Menurut Othman Puteh (1989: 22), istilah “kanak-kanak” dapat dirujuk kepada kanak-kanak sama ada lelaki ataupun perempuan yang berada dalam lingkungan usia 6- 12 tahun. Dengan kata lain, penggolongan ini dibuat dengan mengambil kira kanak-kanak yang tahu membaca, yang berada di sekolah rendah ataupun pra sekolah.

Dalam buku *The New Encyclopedia Britannica* (1975: 228), kanak-kanak didefinisikan sebagai;



“All potential or actual young literates from the instant they can with joy leaf through a picture book or listen to a story read aloud, to the age of perhaps 14 or 15, may be called children. Thus “children” includes young people”.



Maksudnya di sini, kanak-kanak ialah peringkat manusia yang berkemungkinan atau yang sebenarnya kurang dalam kecekapan mereka terutama dalam menulis dan membaca. Mereka ini sangat gemar melihat buku-buku bergambar dan juga mendengar cerita-cerita yang disampaikan sehinggalah ke peringkat umur 14 atau 15 tahun. Golongan kanak-kanak ini termasuk dalam golongan orang muda.

Sementara itu, mengikut *Webster’s New Twentieth Century Dictionary* (1975: 313) menyatakan kanak-kanak sebagaimana berikut;

“An infant, a boy; an unhorn off spring; a boy or girl in the period before puberty; a son or a daughter, a male or female descendent in the first degree, in law, a legitimate son or daughter, a person like a child in knowledge experience, judgment or attainment; as he is merely child; a person regarded as product of a specified places, time, act”.





Di sini, penerangan membawa makna bahawa kanak-kanak ialah bayi yang baharu lahir, bayi, anak kecil, lelaki dan perempuan dan belum mencapai peringkat baligh atau cukup umur. Mereka ini kurang dalam pengalaman, pendapat dan juga kepandaian. Kanak-kanak ini juga memerlukan perhatian ibu bapa dan masyarakat lainnya.

Bersandarkan kepada takrifan dan penjelasan mengenai maksud kanak-kanak, dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak ialah golongan peringkat usia baru lahir, iaitu 0 hingga 12 tahun, manakala kanak-kanak yang berumur 13 hingga 15 tahun ialah peringkat yang disebut pra remaja. Oleh itu, melalui pembahagian ini, kanak-kanak dalam peringkat umur 0 hingga 12 tahun amatlah penting dibekalkan dengan bahan bacaan yang sesuai dengan pertumbuhan mental dan keperluan asasny. Penyediaan dan pemilihan bahan bacaan untuk mereka mestilah diteliti sedalam-dalamnya supaya dapat membimbing mereka ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan dapat membentuk perkembangan sahsiah yang mulia di samping membimbing mereka memilih bahan bacaan yang lebih baik dan sesuai setelah meningkat usia pra remaja dan remaja. Oleh itu, kanak-kanak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kanak-kanak di peringkat umur 9 hingga 12 tahun (peringkat sekolah rendah) yang sudah dapat dan pandai membaca.

1.7.4 Cerpen Kanak-kanak



05-4

Menurut Hashim Awang el al., (1984: 6), cerpen kanak-kanak ialah cerpen yang membawakan satu persoalan bagi menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. Cerpen, sesuai dengan namanya ialah cerita yang relatif pendek yang selesai dibaca sekali duduk, terdiri daripada berbagai-bagai kisah, separa kisah percintaan (roman), kasih sayang, jenaka dan banyak lagi". Kebiasaannya, cerpen untuk kanak-kanak mengandungi nilai atau amanat yang sangat mudah difahami, dan sangat sesuai untuk dibaca oleh semua golongan khususnya kanak-kanak.

Dalam Laporan HSPM bagi Kategori C: Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja (Zalila Sharif, 2013: 29) merumuskan bahawa cerpen kanak-kanak ialah koleksi cerita yang berlatarkan dunia kanak-kanak sepenuhnya. Untuk memenuhi kriteria-kriteria penilaian bagi karya ini, cerpen kanak-kanak hendaklah benar-benar bercirikan dunia kanak-kanak seperti watak dan perwatakan, tema dan persoalan, nilai dan pengajaran dan unsur-unsur lain yang berkaitan. Terdapat lima kriteria penilaian karya cerpen kanak-kanak yang diasaskan kepada perkara-perkara yang berikut:





- 1) Kekuatan kesatuan organik karya yakni, cerpen-cerpen yang termuat dalam kumpulan cerpen terbina dengan unsur struktur yang mantap tanpa mengabaikan kesesuaian dan kewajaran karya, nilai dan ilmu yang diterapkan, keindahan moral serta kreativiti.
- 2) Kekuatan dan keaslian persoalan yang ditampilkan secara matang. Maksudnya, keaslian persoalan berkait dengan keupayaan pengarang mengetengahkan sesuatu tema baharu dan terkini.
- 3) Keseimbangan estetika bahasa dengan persoalan kemanusiaan yakni, gaya bahasa yang mantap menjadikan cerpen itu indah dan berseni.
- 4) Keindahan moral melibatkan pengajaran yang berguna kepada kanak-kanak. Di sini, setiap cerpen perlu disisipkan nilai moral tentang kepentingan ilmu, persahabatan, kemasyarakatan, kekeluargaan, setia kawan dan kasih sayang.
- 5) Inovasi dalam kreativiti yang memberatkan aspek pembaharuan dalam karya di samping mendorong kanak-kanak berfikir kreatif dalam kehidupan.

Menerusi takrifan dan pandangan tokoh daripada pelbagai sumber ini, dapat disimpulkan bahawa cerpen kanak-kanak ialah bahan bacaan yang mengetengahkan pelbagai cerita atau kisah pendek dalamnya. Kebanyakan cerita atau kisah yang dinyatakan berkisah kepada dunia kanak-kanak iaitu tema, watak dan perwatakan, plot dan gaya bahasa yang mudah untuk difahami dan mengikut tahap perkembangan psikologi kanak-kanak. Secara jelasnya, cerpen kanak-kanak ialah cerita pendek yang dapat memberikan mesej yang positif kepada kanak-kanak, bahkan sebagai alat hiburan yang berkesan kepada para pembaca.



1.8 Kesimpulan

Pengkaji telah membincangkan dengan terperinci mengenai aspek-aspek penting yang diberi perhatian sebelum kajian dijalankan dengan lebih mendalam. Antara aspek yang menjadi kajian pengkaji dalam bab ini adalah kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan batasan kajian. Dengan adanya kesemua aspek ini akan menjadi garis panduan utama kepada pengkaji untuk menentukan arus dan tujuan kajian ini supaya tidak lari daripada tujuan yang sebenar.

Selain menjadi garis panduan kepada pengkaji, bab ini juga amat berguna untuk pengkaji mengetahui perkara sebenarnya yang ingin dikemukakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya perbincangan yang dikemukakan dalam bab ini terutama dalam bahagian pernyataan masalah dan kepentingan kajian telah memberi gambaran awal kepada pengkaji bahawa kajian ini sangat penting untuk diteruskan.

